

**Takluk Putrajaya Bukti Kerajaan Sedia Beri Masa Depan Lebih Baik Untuk Belia  
Bernama  
26 Mei, 2012**

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Komitmen kerajaan yang membenarkan belia "menakluk" pusat pentadbiran Putrajaya sempena sambutan Hari Belia Negara 2012 memberi mesej jelas bahawa kerajaan telah bersedia memberikan masa depan lebih baik kepada golongan itu.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata ini kerana kerajaan memberi peluang kepada belia menggunakan platform dan kemudahan yang ada di sini bagi mentadbir serta menguruskan agenda mereka sendiri, dan peluang ini berjaya dimanfaatkan sepenuhnya.

"Penghargaan seharusnya diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan sukarelawan yang telah menjadikan ratusan program pimpinan belia berjaya dianjurkan dengan cemerlang.

"PM telah mengiktiraf taklukan Putrajaya. Ini merupakan satu impak besar kepada masa depan belia untuk segala perancangan, polisi dan segala dasar belia untuk masa akan datang adalah lebih baik daripada hari ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Hari Belia 2012 bertemakan 'Jadikan Hari Esok Lebih Baik Dari Hari Ini' yang disempurnakan Najib.

Beliau juga berkata beberapa aspek yang membantu kejayaan program itu adalah keterbukaan kerajaan membenarkan belia menganjurkan aktiviti mengikut kreativiti masing-masing di kota pentadbiran tersebut.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668912>